

PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Fax : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

KP(BPSH-SPDK)201/005/02 Jld.4(5)
16 April 2012

Semua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
BILANGAN 12 TAHUN 2012**

PEREKAYASAAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING DI SEKOLAH

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan berkaitan perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha meningkatkan pembangunan diri dan sahsiah murid selaras dengan hasrat membangunkan modal insan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta menghayati nilai-nilai murni. Walau bagaimana pun, berdasarkan penelitian terhadap isu disiplin dalam kalangan murid sepanjang tahun 2011, didapati isu ini masih tidak dapat dicegah dan ditangani dengan berkesan oleh pihak sekolah. Justeru, Kementerian Pelajaran Malaysia memutuskan agar dibuat perekayasaan ke atas perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (B&K) dengan memberikan penekanan secara lebih berfokus kepada pembangunan sahsiah dan peningkatan disiplin diri dalam kalangan murid di sekolah.

3. Dalam perekayasaan ini, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menggariskan empat (4) fokus untuk diberi penekanan, iaitu;

- 3.1 Pembangunan dan pengembangan sahsiah diri murid
- 3.2 Peningkatan disiplin diri murid
- 3.3 Pendidikan kerjaya murid
- 3.4 Psikososial dan kesejahteraan mental murid

4. Bagi menjayakan hasrat tersebut, perkhidmatan B&K di sekolah hendaklah menjadi perkhidmatan yang mesra murid, rakan guru, ibu bapa dan masyarakat. Manakala Guru B&K pula hendaklah memiliki personaliti sebagai guru yang cukup disenangi, paling dipercayai (*trustworthy*) serta diyakini.

5. Untuk makluman Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan, objektif perekruteraan perkhidmatan B&K di sekolah adalah seperti berikut;


- 5.1 Guru B&K menghayati bahawa **memenangi jiwa** murid merupakan teras perkhidmatan B&K di sekolah.
- 5.2 Memberikan perkhidmatan yang mesra, selesa dan kondusif kepada murid untuk menyuarakan isi hati dan permasalahan mereka seterusnya dapat membuat keputusan yang wajar dan betul.
- 5.3 Guru B&K berupaya mendahului (*win over*) jangkaan tindakan-tindakan yang di luar norma sosial dalam kalangan murid-muridnya.
- 5.4 Membolehkan murid meneroka peluang dan ruang kerjaya yang sesuai dengan personaliti mereka.

6. Sehubungan itu, pihak sekolah hendaklah memastikan perkhidmatan yang diberikan oleh Guru B&K di sekolah adalah perkhidmatan yang terbaik dan berkesan terhadap murid-murid serta difokuskan kepada **pembangunan sahsiah dan peningkatan disiplin diri dalam kalangan murid**. Bersama-sama ini disertakan kaedah pelaksanaan perekruteraan tersebut seperti di **LAMPIRAN** untuk dijadikan panduan.

7. Kerjasama Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan dipohon untuk memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/ Tuan/ Puan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


HAJI SUFA'AT BIN TUMIN
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Pendidikan)
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k. ;

1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri
merangkap Menteri Pelajaran Malaysia
2. YB Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong
Timbalan Menteri Pelajaran
3. YB Dr. Mohd Puad bin Zarkashi
Timbalan Menteri Pelajaran
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
8. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Pembangunan Profesionalisme Keguruan)
9. Ketua-Ketua Bahagian
Kementerian Pelajaran Malaysia
10. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pelajaran Malaysia
11. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pelajaran Malaysia



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

**PEREKAYASAAN
PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING DI SEKOLAH
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

TUJUAN

1. Perekayasaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (B&K) bertujuan supaya Guru B&K memfokuskan perkhidmatannya kepada usaha Pembangunan Sahsiah dan Peningkatan Disiplin Murid di sekolah.

KONSEP

2. Perkhidmatan B&K di sekolah sebagai perkhidmatan yang mesra murid, rakan guru, ibu bapa dan masyarakat. Menerusi perkhidmatan yang diberikan, boleh membantu murid meningkatkan keupayaan berfikir dan bertindak secara positif dan berkesan.
3. Murid merupakan aset penting yang perlu sentiasa dibantu dan dibimbing menerusi perkhidmatan B&K agar mereka boleh membuat keputusan yang wajar dan betul dalam menjalani kehidupannya.
4. Guru B&K menghayati bahawa memenangi jiwa murid merupakan teras perkhidmatan B&K serta berupaya mendahului (*win over*) jangkaan tindakan murid-muridnya.

5. Guru B&K adalah seseorang yang memiliki personaliti sebagai guru yang paling dipercayai, diyakini dan disenangi (*trustworthy*) oleh murid, rakan sejawat, ibu bapa dan masyarakat di sekolah.

OBJEKTIF

6. Objektif perkhidmatan B&K di sekolah adalah;
 - 6.1 Guru B&K menghayati bahawa memenangi jiwa murid merupakan teras perkhidmatan B&K di sekolah.
 - 6.2 Sebagai perkhidmatan yang mesra, selesa dan kondusif kepada murid untuk menyuarakan isi hati dan permasalahan mereka, seterusnya dapat membuat keputusan yang wajar dan betul.
 - 6.3 Agar Guru B&K boleh mendahului (*win over*) jangkakan tindakan-tindakan yang di luar norma sosial dalam kalangan murid-muridnya.
 - 6.4 Agar murid boleh meneroka peluang dan ruang kerjaya yang sesuai dengan personaliti mereka.

FOKUS PERKHIDMATAN B&K

7. Perkhidmatan B&K dilaksanakan secara sepenuh masa dan berfokus kepada program dan aktiviti seperti berikut;
 - 7.1 Pembangunan dan pengembangan sahsiah diri murid
 - 7.2 Peningkatan disiplin diri murid
 - 7.3 Pendidikan kerjaya murid
 - 7.4 Psikososial dan kesejahteraan mental murid

Fokus 1 : Pembangunan dan Pengembangan Sahsia Diri Murid:

8. Fokus ini adalah untuk memupuk pengembangan personaliti sendiri (*character*) murid daripada aspek berikut;

- 8.1 Sikap penyayang (kepedulian)
- 8.2 Budi bahasa
- 8.3 Konsep sendiri
- 8.4 Kepemimpinan
- 8.5 Komunikasi
- 8.6 Kekemasan diri
- 8.7 Ketepatan masa

Outcome : Perwatakan murid yang berketrampilan dan terpuji.

Fokus 2 : Peningkatan Disiplin Diri Murid

9. Fokus ini adalah memupuk disiplin diri murid termasuk intervensi yang perlu dilakukan bagi mencegah mereka terlibat dengan gejala-gejala disiplin dan anti sosial yang lain.

Outcome : Murid yang berdisiplin serta sekolah yang aman dan sejahtera.

Fokus 3 : Pendidikan Kerjaya Murid

10. Fokus ini adalah berkaitan pendedahan dan bimbingan kepada murid mengenai maklumat berkaitan peluang pendidikan dan hala tuju kerjaya. Menerusi fokus ini, guru B&K hendaklah;

- 10.1 Melaksanakan program Pendidikan Kerjaya secara terancang bagi memastikan semua murid dapat mengenal pasti potensi diri, minat, sikap dan hala tuju kerjaya.

- 10.2 Menyediakan **Profil Kerjaya** setiap murid bermula dari sekolah rendah sehingga ke sekolah menengah dalam pelan pembangunan dan perkembangan kerjaya mereka.
- 10.3 Menyediakan rekod murid selepas tamat persekolahan sama ada terus memasuki alam kerjaya atau meneruskan pengajian ke institusi-institusi pengajian tinggi awam atau swasta.

Outcome : Murid yang tahu hala tuju pendidikan dan kerjaya masa hadapan

Fokus 4 : Psikososial dan kesejahteraan mental murid

11. Fokus ini adalah membimbing murid supaya mampu mengekalkan dan mengurus kesejahteraan diri dan mental. Menerusi fokus ini, guru B&K hendaklah;
 - 11.1 Membimbing murid dalam proses sosialisasi dan interaksi
 - 11.2 Membimbing murid dalam aspek pengurusan emosi
 - 11.3 Membantu murid mengembangkan pemikiran yang positif

Outcome : Murid yang sihat pemikirannya.

KAEDAH PELAKSANAAN

Pengurusan Profil Murid

12. Fokus ini adalah menyediakan pangkalan **Profil Murid** yang bertujuan untuk membuat analisis terhadap sesuatu isu berkaitan murid. Dengan analisis ini, tindakan membantu dan mencegah sesuatu isu itu boleh dilakukan dengan lebih berkesan. Menerusi fokus ini, guru B&K hendaklah;
 - 12.1 Menyediakan profil setiap murid bermasalah disiplin
 - 12.2 Menyediakan profil setiap murid ponteng sekolah

- 12.3 Menyediakan profil kerjaya setiap murid
- 12.4 Menyediakan profil murid dari segi kesejahteraan mental/ emosi

13. Profil murid hendaklah mengandungi maklumat mengenai latar belakang murid, latar belakang ibu bapa/penjaga, latar belakang masalah, kekerapan dan punca masalah dan status tindakan penyelesaian.

Pelaksanaan Pendidikan Pencegahan

- 14. Fokus ini adalah memberi pendidikan pencegahan serta membimbing murid agar berupaya mengelakkan diri daripada terpengaruh dengan kegiatan-kegiatan yang memudaratkan diri seperti **kegiatan seks bebas, bahaya HIV, dadah, rokok termasuk bahan inhaled**.
- 15. Fokus ini juga memberi pendidikan pencegahan serta membimbing murid agar mengelakkan diri daripada terlibat dengan **jenayah rogol dan bunuh diri**.

Konsultasi Keibubapaan

- 16. Fokus ini adalah membimbing murid agar mereka mengetahui **tanggungjawab diri dalam keluarga** di mana;
 - 16.1 kemahiran keibubapaan akan diterapkan bermula dari alam persekolahan.
 - 16.2 melaksanakan aktiviti *engagement* bersama ibu bapa murid.

Pengembangan Kemahiran Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)

- 17. Fokus ini adalah meningkatkan kemahiran menolong dan *soft skills* (kemahiran generik) semua ahli PRS. Guru B&K hendaklah;
 - 17.1 Melaksanakan latihan kemahiran kepada murid yang menjadi PRS.
 - 17.2 Melatih PRS agar berupaya memainkan peranan membantu rakan sebaya berkonsepkan 'Bantu Diri Untuk Bantu Orang Lain' dengan;

- a. PRS sebagai *role model* kepada orang lain
- b. Memberi galakan kepada rakan-rakan agar bersikap positif
- c. Menjadi rakan yang peka kepada perasaan orang lain

Murid Berkeperluan Khas

18. Fokus ini adalah memberikan perkhidmatan kaunseling dan bimbingan khas kepada murid-murid berkeperluan khas di sekolah.
19. Fokus ini juga memberi penekanan dari segi kebajikan, kemudahan, *soft skill* dan hala tuju kerjaya murid berkeperluan khas.
20. Membimbing murid normal yang lain untuk menerima, membantu dan sentiasa memberi pertolongan kepada murid-murid berkeperluan khas.

Penyampaian (*outreach*) perkhidmatan

21. Membuat sebaran kepada murid berkaitan perkhidmatan yang boleh diberi oleh Guru B & K serta faedah yang diperolehi daripada perkhidmatan B&K.
22. Sebaran berkaitan peluang-peluang pendidikan dan kerjaya murid.

Perkhidmatan Kaunseling Individu dan Kaunseling Kelompok

23. Perkhidmatan Kaunseling Individu dan Kaunseling Kelompok adalah menjadi Sasaran Kerja Utama guru B&K.
24. Murid boleh mendapatkan perkhidmatan kaunseling secara individu atau kelompok pada bila-bila masa waktu persekolahan termasuk semasa waktu pengajaran dan pembelajaran (P&P).

PENGURUSAN

Menjalankan Tugas Luar

25. Seorang guru B&K boleh dibenarkan menjalankan tugas di luar sekolah mereka dengan kadar 10 peratus setahun. Ini bermakna, 90 peratus masanya setahun hendaklah berada di sekolah tempat mereka bertugas.
26. Kekecualian boleh diberikan sekiranya guru B&K diarahkan;
 - 26.1 Mengikuti kursus, latihan termasuk menyambung pengajian dalam tempoh masa yang panjang.
 - 26.2 Menjalankan tugas luar apabila berlaku sesuatu bencana atau mala petaka di sesuatu tempat.
 - 26.3 Kekecualian menjalankan tugas luar melebihi tempoh atau kadar yang ditetapkan dalam perkara ini boleh juga diberikan dengan syarat mendapat kelulusan bertulis daripada Pengarah Pelajaran Negeri terlebih dahulu.
27. Dalam hal ini, tugas luar bermakna tugas yang diarah atau diminta oleh KPM, JPN dan PPD.

Kelas Ganti

28. Guru B&K Sepenuh Masa boleh mengambil kelas ganti tidak lebih 8 waktu seminggu.
29. Semasa bertugas sebagai guru ganti di sesebuah bilik darjah, mereka hendaklah melaksanakan program atau aktiviti yang berkaitan perkhidmatan B&K.
30. Guru B&K boleh menggunakan Modul Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling sebagai panduan dan rujukan semasa melaksanakan aktiviti bimbingan di dalam kelas ganti.

Jadual Waktu

31. Tempoh masa bertugas Guru B&K adalah sama seperti guru P&P. Walau bagaimana pun, jadual waktu bertugas bagi Guru B&K di sekolah perlu lebih fleksibel (*flexi*). Hal ini bermakna sesi bertugas seseorang Guru B&K di sekolah tidak terikat sama seperti masa bertugas guru P&P di bilik darjah. Ianya boleh disesuaikan mengikut keperluan tugas seharian Guru B&K.
32. Sesi bertugas mereka hendaklah lebih fleksibel (*flexi*) kerana fungsi mereka termasuk aktiviti *engagement* bersama ibu bapa murid, agensi-agensi lain yang berkaitan termasuk dengan pemimpin-pemimpin masyarakat dan komuniti di luar sekolah di mana aktiviti tersebut hendaklah hanya untuk kepentingan dan faedah murid mereka di sekolah.

Perkapita *Grantt* (PCG) Bimbingan dan Kaunseling Sekolah

33. PCG yang diperuntukkan kepada sekolah bagi Bimbingan dan Kaunseling hendaklah digunakan sepenuhnya untuk semua aktiviti perkhidmatan B&K yang berfokus kepada 4 bidang utama seperti di perenggan 7 (Fokus Perkhidmatan B&K).

Sokongan Pentadbir Sekolah


34. Pentadbir sekolah hendaklah memastikan perkhidmatan Guru B&K berfokus kepada Program Pembangunan Sahsiah dan Peningkatan Disiplin Murid. Dalam hal ini pentadbir sekolah hendaklah memastikan Guru B&K memberikan perkhidmatan terbaik dan berkesan serta memberi tumpuan kepada pembangunan diri murid semasa melaksanakan perkhidmatan B&K.
35. Dalam masa yang sama, pihak pentadbir sekolah juga hendaklah membuat pemantauan serta memberikan maklum balas kepada Guru B&K akan keberkesanan perkhidmatan mereka.

**PROSES DAN CARTA ALIRAN KERJA
TINDAKAN TERHADAP MURID BERMASALAH DISIPLIN DI SEKOLAH
ANTARA GURU DISIPLIN DAN KAUNSELING
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

TUGAS : Tindakan terhadap murid bermasalah disiplin di sekolah

BIL.	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUSKAN/DIRUJUK	SEKSYEN UNDANG-UNDANG PERATURAN
1.	Terima arahan bagi mengambil tindakan terhadap murid bermasalah disiplin	Pengetua/Guru Besar/ Guru Penolong Kanan	
2.	Merekodkan kes Disiplin murid	Guru Disiplin	
3.	Merujuk kes kepada Jawatankuasa Disiplin Sekolah	Pengetua/Guru Besar/ Guru Penolong Kanan	
4.	Merujuk murid kepada Guru Bimbingan dan Kaunseling	Guru Bimbingan dan Kaunseling	
5.	Menyediakan profil murid	Guru Bimbingan dan Kaunseling	
6.	Menentukan kes dan pendekatan	Guru Bimbingan dan Kaunseling	
7.	Melaksanakan sesi kaunseling kepada murid (1)	Guru Bimbingan dan Kaunseling	
8.	Membuat rujukan kepada pakar (mengikut keperluan)	Pakar	
9.	Melaksanakan sesi kaunseling kepada murid (2)	Guru Bimbingan dan Kaunseling	
10.	Membuat konsultasi dengan ibu bapa (mengikut keperluan)	Ibu bapa murid	
11.	Melaksanakan sesi kaunseling kepada murid (3)	Guru Bimbingan dan Kaunseling	
12.	Mengadakan program khas kepada murid (Intervensi)	Guru Bimbingan dan Kaunseling	
13.	Menyediakan laporan dan dokumentasi	Guru Bimbingan dan Kaunseling	
14.	Menyerahkan laporan yang telah didokumentasikan	Pengetua/Guru Besar/ Guru Penolong Kanan	51

CARTA ALIR KES DISIPLIN



SENARAI SEMAK KES DISIPLIN

BIL	PERKARA	TINDAKAN (_/)
1	TERIMA ARAHAN TINDAKAN KES	<input type="checkbox"/>
2	GURU DISIPLIN REKOD KES	<input type="checkbox"/>
3	RUJUK JAWATANKUASA DISIPLIN SEKOLAH	<input type="checkbox"/>
4	GURU KAUNSELING TERIMA KES RUJUKAN	<input type="checkbox"/>
5	GURU KAUNSELING SEDIAKAN PROFIL MURID	<input type="checkbox"/>
6	GURU KAUNSELING TENTUKAN KES DAN PENDEKATAN	<input type="checkbox"/>
7	PROSES KAUNSELING 1	<input type="checkbox"/>
8	GURU KAUNSELING RUJUK PAKAR (MENGIKUT KEPERLUAN)	<input type="checkbox"/>
9	PROSES KAUNSELING 2	<input type="checkbox"/>
10	KONSULTANSI BERSAMA IBU BAPA (MENGIKUT KEPERLUAN)	<input type="checkbox"/>
11	PROSES KAUNSELING 3	<input type="checkbox"/>
12	PROGRAM KHAS (INTERVENSI)	<input type="checkbox"/>
13	GURU KAUNSELING SEDIAKAN LAPORAN	<input type="checkbox"/>
14	SERAH LAPORAN KEPADA PENGETUA/GURU BESAR/PENOLONG KANAN	<input type="checkbox"/>